

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN KOKURIKULUM
KOD KURSUS	:	BBH 31302
PROGRAM	:	3 BBV
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGITIGA(3) MUKA SURAT

SULIT

- S1 Sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang bertanggungjawab terhadap aktiviti kelab dan persatuan di sebuah Kolej Vokasional, anda diminta untuk menyediakan takwim aktiviti bagi satu tahun akademik. Beri rasional bagi dua aktiviti yang telah anda cadangkan dalam takwim tersebut. (25 markah)
- S2 (a) Berikan tiga tujuan utama mengapa diadakan mesyuarat dalam sesebuah organisasi kokurikulum. (3 markah)
- (b) Huraikan bagaimakah tujuan mesyuarat dapat dicapai dengan memberi contoh yang sesuai? (10 markah)
- (c) Selepas diadakan sesuatu mesyuarat, jelaskan empat perkara utama yang mesti dijadikan agenda mesyuarat berikutnya. Berikan juga sebab mengapa setiap perkara tersebut patut dijadikan agenda? (12 markah)
- S3 Jika anda adalah seorang Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) yang bertanggungjawab sebagai penasihat Unit Sukan di Kolej Komuniti dan menghadapi masalah cuaca semasa merancang aktiviti luar,
- (a) cadangkan tiga alternatif agar kejohanan sukan yang telah di rancang dapat dilaksanakan tanpa menjelaskan keselamatan pelajar. Jelaskan juga rasional anda bagi setiap alternatif tersebut. (15 markah)
- (b) huraikan kaedah pengurusan yang sesuai dilakukan oleh ahli jawatankuasa sukan bagi menjayakan aktiviti tersebut. (10 markah)
- S4 Sekiranya anda adalah seorang Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) yang bertugas sebagai penasihat pasukan permainan di salah sebuah Politeknik Premier dan menghadapi masalah kewangan,
- (a) cadangkan tiga sumber alternatif bagaimana pasukan permainan tersebut boleh menjana dana tanpa mengharapkan peruntukan daripada pihak pengurusan organisasi anda. Jelaskan rasional anda bagi mendapatkan dana melalui setiap sumber tersebut. (12 markah)
- (b) huraikan setiap kaedah pungutan yang sesuai dilakukan oleh ahli pasukan permainan bagi mendapatkan sumbangan melalui sumber alternatif di S5(a). (13 markah)

- S5 (a) Terangkan empat tujuan utama mengapa penilaian diadakan dalam sebuah organisasi? (12 markah)
- (b) Cadangkan satu bentuk penilaian yang sesuai dilaksanakan untuk menilai penglibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum di institusi pengajian tinggi. (13 markah)

-SOALAN TAMAT-